

## Kerajaan komited kukuhkan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar, guru

[Share](#)

[Tweet](#)



DATUK Seri Idris memerhatikan guru Bahasa Inggeris, R Jeyanthi mengajar murid-murid Tahun Tiga, sempena Program Penutur Jati Bahasa Inggeris, di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Shanghai, di sini, hari ini. - Foto Hazreen Mohamad

**SEREMBAN:** Kerajaan komited memperkuuh penguasaan dan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan guru sekolah, kata Menteri Pendidikan, Kedua Datuk Seri Idris Jusoh.

Beliau berkata kerajaan serius untuk memastikan Bahasa Inggeris menjadi bahasa yang dapat digunakan sepenuhnya dan penggunaannya ditingkatkan di sekolah.

"Saya percaya peningkatan penggunaan Bahasa Inggeris akan terus berjalan di sekolah dan beri masa dua tiga tahun ini kita akan dapat lihat perubahan yang besar dalam penggunaan dan pencapaian bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja ke Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Shanghai di Mambau dekat sini hari ini.

Idris berkata di samping mengadakan beberapa program untuk peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, kerajaan turut melaksanakan program peningkatan Bahasa Inggeris dalam kalangan guru.

"Kami ada program peningkatan untuk melatih 22,000 guru supaya mereka mencapai Cambridge Placement Test peringkat C1 dan C2.

"Untuk pelajar pula kita adakan program seperti Program Penutur Jati yang bukan sahaja mengajar Bahasa Inggeris tetapi menggunakan pendekatan yang berbeza iaitu konsep pengajaran secara berfikir di luar kotak, yang tidak tertumpu kepada buku teks semata-mata," katanya.

Beliau berkata Program Penutur Jati ini dijalankan di 1,800 sekolah rendah di seluruh negara sejak 2011 yang melibatkan 360 mentor penutur jati dari United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan Afrika Selatan.

Ia juga memberi manfaat kepada lebih 5,000 guru Bahasa Inggeris dan sejuta pelajar Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3).

"Program yang kita laksanakan ini untuk semua sekolah di seluruh negara termasuk bandar, luar bandar, SJKT dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

"Apa yang berlaku di sekolah ini menggambarkan bahawa projek ini berjalan dengan baik yang pencapaian Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah di sekolah ini meningkat kepada 91.3 peratus pada tahun lepas berbanding 65.4 peratus pada 2013," katanya.

Idris berkata Universiti Kebangsaan Malaysia kini sedang menjalankan kajian ke atas program ini untuk mengesahkan hasil dan penemuan keberkesanan program ini dari segi impak kepada guru dan pelajar.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan Malaysia akan menambah baik program ini dari semasa ke semasa agar peningkatan terus berlaku. - BERNAMA